

30 AUG 1996

RAMOS MENGHANTAR PERUTUSAN TAHNIAH

MANILA, 30 Ogos (Bernama) -- Presiden Filipina, Fidel Ramos hari ini menghantar perutusan tahniah kepada pemimpin-pemimpin dan rakyat Malaysia sempena sambutan hari kebangsaan esok.

Perutusan Ramos itu disampaikan melalui Yang di-Pertuan Agung Tuanku Ja'afar.

Ramos mahu kedua-dua negara bekerjasama dengan lebih rapat lagi ke arah meningkatkan dan memperkukuhkan keamanan, kestabilan dan pembangunan Asia Tenggara.

Beliau juga menghantar perutusan tahniah secara berasingan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dan menyatakan yang Malaysia merupakan rakan perdagangan Filipina yang penting. -- BERNAMA

ALJ PR